




JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN 2016

DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA





JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN URUSAN FUNGSIAN

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2016**

JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN

ISBN : 978-967-0769-14-1

Cetakan Pertama 2016

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital,
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel: 03-8883 1143
Faks: 03-8883 1150

Dicetak oleh:

Percetakan Hj. Jantan Sdn Bhd.
No 12, Jalan 4/118C Desa Tun Razak, Cheras, 56000 Kuala Lumpur
Tel: 03-91731977
Faks: : 038-91731835



KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
	Persetujuan Bersama Jadual Pelupusan Rekod Fungsian Di Antara Arkib Negara Malaysia Dan Kementerian Kesihatan Malaysia	
	Prakata Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia	i
	Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia	ii
	Visi, Misi, Objektif dan Fungsi	iii
	Jawatankuasa Jadual Pelupusan Rekod, Kementerian Kesihatan Malaysia	iv
	Penghargaan	v-vi
	Jawatankuasa Jadual Pelupusan Rekod Arkib Negara Malaysia	vii
1.	Pengenalan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Urusan Fungsian	1
2.	Tujuan Jadual	2
3.	Skop Jadual	2
4.	Kuasa Jadual	2
5.	Kuatkuasa Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Urusan Fungsian	3
6.	Kajian Semula Jadual	3
7.	Definisi/ Tafsiran	3-6
8.	Format Jadual	7-8
9.	Permohonan Pemusnahan Rekod Yang Dinyatakan Dalam Jadual Pelupusan Rekod	8-9
10.	Pelupusan Rekod yang Tidak Dinyatakan Dalam Jadual Pelupusan Rekod	10
11.	Pelupusan Rekod Terperingkat	10
12.	Penangguhan Pemindahan	10
13.	Kaedah Pemusnahan Rekod Awam	11
14.	Pemindahan Rekod Bernilai Kebangsaan/Sejarah	11
15.	Pelupusan Rekod Awam yang Rosak	12
16.	Larangan Pemusnahan Rekod Awam	12-13
17.	Ukuran Rekod yang dimusnahkan	13
18.	Tanggungjawab	13
19.	Pertanyaan	13



Bil.	Perkara	Muka Surat
20	Kandungan Siri Rekod	14-46
	A REKOD PERUBATAN PESAKIT	15-33
1	Rekod Perubatan Pesakit Dalam (kecuali Rekod Psikiatri, Obstetrik dan Pediatrik)	15-16
2	Rekod Perubatan Pesakit Psikatri	17-18
3	Rekod Perubatan Pesakit Obstetrik	19-20
4	Rekod Perubatan Paediatric	21-22
5	Rekod Perubatan Pesakit Luar	23
6	Rekod Perubatan Pesakit Rawatan Harian	24
7	Rekod Perkhidmatan Sokongan Klinikal	25
8	Rekod Pengimejan Diagnostik	25-26
9	Rekod Bedah Siasat (Autopsi) dan Forensik	26
10	Rekod Perubatan Perkhidmatan Pergigian	27
11	Rekod Perubatan Perundangan	27-29
12	Rekod Perubatan Pesakit untuk tujuan Penyelidikan	29
13	Buku Cuti Sakit	30
14	Buku Ubat Preskripsi	30
15	Buku Permit Penguburan	30- 31
16	Buku / Borang Perakuan sebab-sebab kematian	31
17	Salinan pendua keputusan laporan makmal/ Borang Transfusi Darah	31
18	Rekod penderma dan penerima darah	32-33
	B BUKU DAFTAR	35-40
1	Buku Pendaftaran Pesakit Luar	35
2	Buku Pendaftaran Kemasukan	35
3	Buku Daftar Pesakit Di Wad	36
4	Buku Daftar Kelahiran / Bersalin	36
5	Buku Daftar Pembedahan	37



Bil.	Perkara	Muka Surat
6	Buku Daftar Radiologi	37
7	Buku Daftar Patologi	38
8	Buku Daftar Kematian	38
9	Buku Daftar Rawatan Harian	39
10	Buku Daftar Perkhidmatan Sokongan	39
11	Buku Laporan Rondaan Hospital	40
12	Buku Laporan Kejururawatan	40
13	Buku Perkhidmatan Ambulan	40
C	LAPORAN	41-46
1	Helaian Data	42
2	Laporan Perubatan	42
3	Laporan Lembaga Perubatan / Ex-Gratia	43
4	Laporan Jemaah Doktor PERKESO/Rayuan PERKESO	43
5	Laporan SMPP (Sistem Maklumat Perawatan Perubatan)	44-46
6	Laporan Jemaah Doktor KWSP	46
21	Senarai Lampiran	47- 72
	Arkib 1/08: Jadual Pelupusan Rekod	48-49
	Arkib 2/08: Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Awam	50-51
	Arkib 3/08: Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Elektronik	52-54
	Arkib 10/08 : Borang Permohonan Bagi Pelupusan Rekod Elektronik (Yang Tidak Dinyatakan Dalam Jadual Pelupusan Rekod)	55-57
	Arkib 11/08: Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod Awam	58-59
	Arkib 12/08: Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Awam	60-61
	Carta Aliran Pelupusan Rekod Berdasarkan Jadual Pelupusan Rekod	62
	Kaedah Mengukur Rekod Dalam Meter Panjang	63
	Salinan surat cadangan tempoh penyimpanan Rekod Perubatan Obstetrik.	64
	Salinan surat penetapan tempoh simpanan bagi tindakan Pelupusan rekod preskripsi ubat .	65-66



Bil.	Perkara	Muka Surat
	Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit Akibat Bencana Banjir	67-70
	Singkatan Perkataan	71
	Salinan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 13/2001 - Garispanduan sistem Penyimpanan Rekod Penderma dan Penerima Darah	72-74
22	SUMBER RUJUKAN	75



PERSETUJUAN BERSAMA JADUAL PELUPUSAN REKOD FUNGSIAN

DI ANTARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA


DAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Jadual Pelupusan Rekod Fungsian **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** ini telah dipersetujui dan diperakui oleh Jawatankuasa Pelupusan Rekod Arkib Negara Malaysia yang bermesyuarat pada 6 Julai 2015.


Adalah dipersetujui bahawa Jadual ini diterima pakai oleh **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA** selagi tiada pindaan, tambahan atau perubahan kepada siri-siri rekod yang diliputi dan tindakan pelupusan yang telah dipersetujui di mesyuarat tersebut di atas.

Jadual ini boleh dikaji semula dan dikemaskini dalam tempoh masa lima tahun atau apabila timbul keperluan. Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada jadual ini hendaklah dirujuk semula kepada Jawatankuasa Jadual Pelupusan Rekod untuk mendapatkan persetujuannya.

Dipersetujui pada 21/12/2015 oleh kedua pihak yang berkenaan mengikut peruntukan seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).



AZEMI BIN ABDUL AZIZ
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah
Kementerian Kesihatan Malaysia

PRAKATA

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, di atas izin dan rahmat-Nya dapatlah Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia telah berjaya menyediakan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadual Pelupusan Rekod menurut peruntukan di bawah seksyen 27(1) dan (3) Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], mengkehendaki Ketua Pentadbir pejabat awam menyedia dan mengemukakan Jadual Pelupusan Rekod dalam bentuk yang ditetapkan bagi pelupusan rekod-rekod awam kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia untuk kelulusannya.

Bagi maksud seksyen ini, Jadual Pelupusan Rekod ertinya jadual yang mengenal pasti rekod-rekod yang mempunyai nilai arkib untuk dipelihara dan membenarkan pemusnahan rekod-rekod yang tinggal selepas luput tempoh pengekalan yang ditentukan. Jadual ini merupakan satu dokumen perundangan mengikut Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] di mana kebenaran bertulis Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia diberi bagi pemusnahan rekod-rekod awam atau pemindahannya ke Arkib Negara Malaysia. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah bekerjasama dengan Arkib Negara Malaysia untuk sama-sama menyediakan JPR yang lengkap meliputi tiga (3) kumpulan utama siri rekod urusan teras yang terdapat di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual ini akan mempercepatkan kelulusan pelupusan iaitu dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja berbanding piagam pelanggan yang boleh mencecah sehingga enam (6) bulan tempoh masa kelulusannya. Dengan terhasilnya jadual ini, satu kaedah pelupusan rekod yang sistematik dan cekap dapat dilaksanakan di Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini akan dapat menyumbangkan peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan operasi di jabatan.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan jadual ini. Saya juga berharap semoga Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus maju jaya dalam melaksanakan tugas sebagai intitusi yang unggul di Malaysia dan semoga kerjasama erat ini akan berterusan dalam perkara-perkara lain berhubung dengan pengurusan rekod secara amnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BUDI BAHASA BUDAYA KITA"



AZEMI BIN ABDUL AZIZ
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

KATA-KATA ALUAN



Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera & Salam sehati sejiwa.
Syukur Alhamdulillah kerana buat julung kalinya saya berkesempatan untuk mengabadikan kata alu-aluan dalam Jadual Pelupusan Rekod Perubatan (JPRP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia terutamanya Seksyen Pelupusan Rekod yang telah sudi membantu dalam menjayakan penghasilan JPRP ini.

Aspirasi Kerajaan untuk mentransformasi Malaysia sebagai sebuah Negara maju menjelang tahun 2020 memerlukan dukungan jentera perkhidmatan awam yang efisien dengan keupayaan untuk menterjemahkan dasar-dasar Kerajaan secara berkesan di peringkat pelaksanaan. Seiring dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), pengurusan rekod secara elektronik adalah salah satu langkah yang telah diberi perhatian dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang turut bertanggungjawab merealisasikan aspirasi kepimpinan Negara.


Saya ingin mengucapkan syabas kepada Bahagian Perkembangan Perubatan yang telah berusaha melaksanakan Kajian Semula Jadual Pelupusan Rekod Perubatan, KKM yang diterbitkan pada tahun 2006. Perbincangan dan percambahan idea-idea dari setiap ahli jawatankuasa dan wakil-wakil yang terlibat dalam penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Perubatan ini, diharapkan dapat menghasilkan jadual yang lebih komprehensif dari jadual sebelumnya.

Keperluan tempoh penyimpanan Rekod Perubatan Pesakit yang panjang adalah berlandaskan perundangan sedia ada dan sistem perawatan pesakit. Masalah kekangan ruang penyimpanan rekod perubatan pesakit di fasiliti KKM merupakan satu cabaran dalam kita melaksanakan tanggungjawab ini. Pematuhan kepada pelaksanaan Jadual Pelupusan Rekod Perubatan amat penting bagi memastikan maklumat kesihatan pesakit dapat diurus dengan cekap dan efisien.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan mengucapkan sekalung penghargaan terima kasih kepada pihak ANM kerana terus memberi khidmat nasihat, panduan dan sokongan padu kepada KKM

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1MALAYSIA" RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN



DATUK NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

VISI

Negara menggembelng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- **untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:**
 - √ mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - √ menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - √ mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- **untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:**
 - √ mengutamakan pelanggan
 - √ saksama
 - √ tidak membebankan
 - √ cekap
 - √ wajar mengikut teknologi
 - √ boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - √ inovatif
- dengan menekankan:
 - √ sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - √ sifat menghormati maruah insan
 - √ penglibatan masyarakat

OBJEKTIF

Untuk membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif

Ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik.



JAWATANKUASA JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Penaung

Dato' Dr. Hj. Azman Bin Hj. Abu Bakar
Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dato' Dr. Hj. Azmi Bin Shapie
Mantan Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dr. Teng Seng Chong
Mantan Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Penasihat

Datin Dr. Nor Akma Binti Yusuf
Timbalan Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

**Ahli
Jawatankuasa**

Dr. Laili Murni Binti Mokhtar
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dr Zailin Failiza Binti Mohd Wahid
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dr. Mohamed Bin Sharif
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pn. Hasnah Binti Ismail
Pegawai Tadbir Rekod Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pn. Siti Hajar Binti Baharim
Pegawai Tadbir Rekod Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pn. Zarimah Binti Jaafar
Pen. Pegawai Tadbir Rekod Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan



PENGHARGAAN KEPADA

Pegawai /Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) yang terlibat dalam Kajian Semula Jadual Pelupusan Rekod Perubatan

NAMA PEGAWAI	JABATAN
Pn. Mariam Binti Bahrim	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar
Pn. Rosseriyany Binti Don	JKN Kedah
En. Wan Muhayuddin Bin Wan Yusoff	Hospital Sultanah Bahiyah
Cik Latifah Binti Ismail	Hospital Sultanah Bahiyah
En. Yeoh Loh Chin	Hospital Jitra
En. Omar Syed Bin Abu Talib	Hospital Pulau Pinang
Cik Noor Banun Binti Shuib	Hospital Seberang Jaya
Pn. Yusriyah Binti Che Yaakob	Hospital Ampang
Pn. Kasinah Binti Bidin	Hospital Putrajaya
Pn. Oni Saifura Binti Othman	JKN Perak
Pn. Kintan Binti Mohd Nor	Hospital Taiping
Pn. Normah Binti Mohd Shariff	Hospital Taiping
Pn. Latipah Binti Abdullah Zawawi	Hospital Raja Pemaissuri Bainun
En. Kaandeeapan a/l Govindasamy	Hospital Teluk Intan
Pn. Norhayati Binti Mohamed Sari	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah
En. Mohamad Isa Bin Abdullah	Hospital Sultanah Nur Zahirah
Cik Noor Azlin Binti Mohd Sharif	Hospital Selayang
En. Mas'ud Bin Husain	JKN Selangor
Pn. Noor Aznim Ainy Binti Ahmad	Hospital Kuala Lumpur
En. Muhd Azwan Bin Anwar	Hospital Kuala Lumpur
Tn.Hj. Ibrahim Bin Ariffin	Hospital Putrajaya
Pn. Nawal Safwati Binti Mohd Pauzi	JKN Selangor
Pn.Rohani Binti Hassan	Hospital Putrajaya
En. Mohd Rosli Bin Adam	Hospital Melaka
Pn. Hanni Akhmar Binti Azhar	Hospital Tuanku Jaafar
En. Mohd Jamil Bin Jaafar	Hospital Tuanku Jaafar
En. Anuar Bin Zainal	Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM



NAMA PEGAWAI	JABATAN
Cik Norsuhada Binti Sulaiman	Pusat Informatik Kesihatan, KKM
En. Abu Bakar Bin Hamdan	Hospital Pakar Sultanah Fatimah
En. Mohd Nazir Bin Ami	Hospital Pakar Sultanah Fatimah
Pn. Sa'adah Bin Surip	Hospital Sultanah Aminah
Pn. Khamsiah Binti Buyong	Hospital Tuanku Ampuan Afzan
Pn. Inai Dulliyah Binti Abdullah	Hospital Tengku Ampuan Afzan
Pn. Nor' Ain Binti Abdul Manaf	Hospital Sultan Hj. Ahmad Shah
Pn. Nur Arifah Radhiah Binti Abd Aziz	Hospital Sultanah Aminah
En. Mohamad Uzuman Bin Nordin Ali	JKN Terengganu
Pn Zainuhaswani Binti Mohamad	JKN Kelantan
En. Mazlan Bin Abd Majid	Hospital Duchess of Kent
En. Mior Zakuan Bin Ahmad	JKN Pulau Pinang
Pn. Denisa Joilin	Hospital Likas
Pn. Mariani Binti Hamid	Hospital Tawau
En. Mohamad Asri Bin Bujang	Hospital Miri
Pn. Ivy Wong	Hospital Umum Sarawak
En. Jovinve Ak Sidik	JKN Sarawak

Fasilitator-fasilitator yang terlibat dalam Kajian Semula Jadual Pelupusan Rekod Perubatan

Mr Abdollah Bin Mohd Salleh
Pakar Perunding Bedah, Hospital Selayang

Pn. Wong Mei Ling
Peguam Persekutuan, Kementerian Kesihatan Malaysia



Pegawai Arkib, Jabatan Arkib Negara Malaysia

En. Jaafar Sidek Bin Abdul Rahman
Pn. Saenah Binti Bahari
Cik Rabiatal Binti Adawiyah
Tn. Hj. Abu Bakar Bin Zakaria
Pn. Azizah Binti Sapuan
Pn. Suzana Binti Md Isa
Pn. Hafizah Binti Othman
Pn. Wan Nurul Asnidayu Binti Wan Zakaria

JAWATANKUASA JADUAL PELUPUSAN REKOD ARKIB NEGARA MALAYSIA (ANM)

PENASIHAT

YBhg. Encik Azemi Bin Abdul Aziz
Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

PENGERUSI

Encik Shaidin Bin Shafie
Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan

SETIAUSAHA

Puan Hajah Saenah Bt Bahari
Ketua Seksyen, Seksyen Pelupusan Rekod

AHLI JAWATANKUASA

Cik Nur Iliana Bt Baharudin Shah
Pegawai Arkib, Seksyen Pelupusan Rekod



1. PENGENALAN JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN, KKM

Jadual Pelupusan Rekod Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah satu jadual yang menyenaraikan rekod-rekod di fasiliti KKM di seluruh Malaysia yang mempunyai nilai untuk dipelihara dan rekod yang telah tamat tempoh penyimpanan yang boleh dimusnahkan. Jadual ini mengandungi maklumat mengenai isi kandungan rekod dan tindakan pelupusan yang akan diambil selepas tempoh simpanannya dipatuhi. Penyediaan jadual ini adalah mematuhi Seksyen 27, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

Tindakan pelupusan ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan rekod. Ia juga akan menjimatkan ruang simpanan, membolehkan simpanan rekod dibuat secara teratur, sistematik dan seterusnya memudahkan aktiviti rujukan dan penyelidikan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa siri rekod dalam Jadual Pelupusan Rekod Perubatan menetapkan tempoh penyimpanan yang panjang berdasarkan keperluannya. Ini telah dipersetujui oleh Ketua Perkhidmatan bagi disiplin berkaitan yang telah dibincangkan bersama pihak pengurusan tertinggi. Bagi mengatasi masalah ruang penyimpanan rekod perubatan di fasiliti KKM, beberapa inisiatif telah dirancang bagi jangka masa panjang. Diantaranya usaha yang sedang dilaksanakan adalah mendokumenkan rekod perubatan pesakit dalam sistem digital dan mewujudkan Pusat Rekod bagi setiap negeri.

Jadual ini disediakan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Pegawai Arkib Negara dari Seksyen Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia (ANM). Ianya telah dipersetujui oleh Pengarah Perkembangan Perubatan dengan kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara bagi kegunaan pelupusan rekod. Ini selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 25¹, 26, 27 dan 28, Akta Arkib Negara [Akta 629] serta peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan ini.

¹ Seksyen 25 (Larangan Terhadap Pemusnahan Rekod Awam)

Seksyen 26 (Pelupusan Rekod Awam)

Seksyen 27 (Jadual Pelupusan Rekod)

Seksyen 28 (Pemindahan Rekod Awam ke Arkib Negara)



2. TUJUAN JADUAL

- (i) Bagi menetapkan tempoh simpanan dan tindakan pelupusan rekod Urusan Fungsian (*functional records*) supaya wujud penyelarasan dalam pelupusan rekod tersebut di Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (ii) Sebagai alat untuk membolehkan pelupusan rekod dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap serta rekod bernilai dapat dipelihara dengan selamat manakala rekod tidak bernilai dapat dimusnahkan segera.
- (iii) Penentusahan pemusnahan rekod perubatan kepada ANM.

3. SKOP JADUAL

Jadual Pelupusan ini menjelaskan rekod Urusan Fungsian (*functional records*) yang mengandungi maklumat tentang tugas-tugas dan tanggungjawab teras fasiliti KKM. Ia mengandungi **tiga (3)** kumpulan utama siri rekod urusan teras dan dibahagikan kepada **37 sub siri** termasuk rekod elektronik yang terdapat di fasiliti KKM iaitu:

- a. Rekod Perubatan Pesakit - 18 sub siri
- b. Buku Daftar -13 sub siri
- c. Laporan – 6 sub siri

4. KUASA JADUAL

Seperti termaktub di bawah kuasa Seksyen 27 Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Jabatan Arkib Negara memberi kelulusan untuk fasiliti KKM mengambil tindakan pelupusan ke atas jenis-jenis rekod yang terdapat dalam jadual, sama ada dimusnahkan atau dipindahkan ke Arkib Negara setelah tamat tempoh simpanan dan tamat tindakan. Dengan ini, fasiliti KKM hendaklah memohon kebenaran pelupusan rekod yang tercatat dalam jadual kepada Jabatan Arkib Negara dengan menyenaraikan siri rekod, jumlah rekod dan tahun diliputi bagi rekod yang ingin dimusnahkan.



5. KUATKUASA PEMAKAIAN/PELAKSANAAN

Jadual Pelupusan Rekod Perubatan ini diluluskan pelaksanaannya mulai tarikh persetujuan dan kelulusan bersama Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Pemakaian jadual ini meliputi semua fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

6. KAJIAN SEMULA JADUAL

Dasar Kualiti Cawangan Perkhidmatan Perkembangan Perubatan telah menetapkan Jadual Pelupusan Rekod Perubatan ini perlu dikaji dalam tempoh 5 tahun ataupun apabila timbul keperluan. Kajian Semula Jadual Pelupusan Rekod Perubatan ini merujuk kepada Jadual Pelupusan Rekod Perubatan Bil. MOH/P/PAK/121.06(GU) yang diterbitkan pada tahun 2006. Sebarang pindaan jadual ini hendaklah dirujuk semula kepada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Arkib Negara.

7. DEFINISI /TAFSIRAN

7.1 Arkib

Rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya sekali - Seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

7.2 Jadual Pelupusan Rekod

Jadual yang mengenal pasti rekod yang mempunyai nilai arkib untuk dipelihara dan membenarkan pemusnahan rekod yang tinggal selepas luput tempoh pengekalan yang ditentukan – seksyen 27(3), Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].



7.3 Pejabat Awam

Pejabat Awam ertinya sesuatu pejabat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau sesuatu pejabat mana-mana kerajaan tempatan, pihak berkuasa berkanun atau perusahaan Kerajaan.

Nota :

Di dalam panduan ini, pejabat awam adalah merujuk kepada Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan

7.4 Rekod

Rekod ertinya bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematograf, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal atau apa-apa salinannya mengikut Seksyen 2 ²Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

7.5 Rekod Awam

Rekod awam ertinya rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan Kerajaan dan juga termasuk segala rekod yang, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara Malaysia yang ditubuhkan dibawah Akta Arkib Negara 1966 - Seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

7.6 Rekod Urusan Am

Berkaitan dengan pentadbiran dalaman sesebuah Pejabat Awam yang meliputi perkara-perkara seperti Pentadbiran; Tanah, Bangunan dan Infrastruktur;

² Seksyen 2 - Tafsiran



Pengurusan Aset Alih, Aset Hidup dan Stor Kerajaan; Kewangan; dan Sumber Manusia.

7.7 Rekod Urusan Fungsian

Rekod Urusan Fungsian juga dikenali sebagai rekod operasi yang diwujudkan oleh jabatan untuk melaksanakan fungsi-fungsi asas dan tugas-tugas jabatan.

Contoh: Rekod Perubatan Pesakit di fasiliti KKM

7.8 Rekod Terperingkat

Rekod awam yang dikelaskan sebagai rahsia rasmi mengikut pengertian Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

7.9 Rekod Tidak Aktif

Rekod yang tiada tindakan lanjut dikehendaki diambil ke atas rekod itu atau rekod yang tidak lagi dikehendaki untuk pentadbiran harian di Pejabat Awam. Ukuran bagi rekod yang tidak aktif ialah rekod yang telah tamat tindakan atau tidak dirujuk dalam masa lima (5) tahun. Rekod ini perlu dipindahkan ke tempat simpanan rekod tidak aktif bagi jangka waktu yang tertentu sebelum ianya dimusnahkan atau dipindahkan.

7.10 Rekod Perubatan Pesakit

Rekod perubatan pesakit adalah kompilasi maklumat berkaitan kehidupan dan kesihatan pesakit. Ia termasuklah data-data penyakit yang dialami pada masa kini dan lampau serta rawatan yang dicatatkan oleh anggota kesihatan yang terlibat memberikan rawatan/jagaan kesihatan kepada pesakit berkenaan (*Medical Records Manual: A Guide for Developing Countries, World Health Organisation, 2006*)



7.11 Pemeliharaan Rekod

Keseluruhan proses dan pengendalian yang terlibat dalam perlindungan fizikal rekod awam dan arkib awam daripada kerosakan atau kemerosotan dan pemulihan atau pembaikan rekod dan arkib itu.

7.12 Pemindahan Rekod ke Arkib Negara

Tindakan memindahkan rekod awam kepada jagaan dan kawalan Arkib Negara – Seksyen 28, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Setelah memenuhi tempoh simpanan yang ditetapkan, rekod ini hendaklah disenarai menggunakan borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod Awam (Arkib 11/08) dan dicadangkan untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

7.13 Pelupusan Rekod

Cara menguruskan pengasingan rekod dengan tujuan pemusnahan, pemindahan atau selainnya (penangguhan pemindahan) – Seksyen 2 Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

7.14 Pemusnahan

Tindakan memusnahkan atau menghapuskan apa-apa jenis rekod mengikut prosedur yang ditetapkan – Seksyen 2, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

7.15 Fasiliti KKM

Semua hospital, klinik kesihatan dan lain-lain fasiliti dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia



8. FORMAT JADUAL

Format jadual adalah berdasarkan Borang Arkib 1/08

BIL	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN

- **Bil**

Bilangan nombor seturut siri rekod.

- **Tajuk Siri**

Unit-unit fail yang diwujudkan dan disusun mengikut sistem fail atau berkaitan dengan sesuatu perkara, fungsi, hasil dari aktiviti yang sama, mempunyai rupa bentuk yang serupa atau kerana perhubungan dalam pewujudan penerimaan dan penggunaannya

- **Perihal Rekod**

Keterangan ringkas mengenai kandungan, tujuan dan skop siri-siri Rekod yang dikenal pasti dan dicatatkan dalam JPR.

- **Tamat Tindakan**

Penetapan yang menjelaskan rekod telah tamat tindakan atau tiada tindakan lanjut dikehendaki diambil tentang rekod tersebut.

- **Tindakan Pelupusan**

Merujuk kepada tindakan yang akan diambil oleh pejabat awam sama ada untuk



memusnahkan atau memindahkan rekod ke Arkib Negara berdasarkan tempoh pengekalan yang dinyatakan dalam JPR.

9. PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD AWAM YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL PELUPUSAN REKOD

Permohonan pelupusan rekod perubatan hendaklah menggunakan format borang yang telah diwartakan pada 13 Oktober 2008 selaras dengan Seksyen 45(2)(c)³ Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] dan P.U (A) 377 Peraturan-peraturan Arkib Negara (Penetapan Borang-borang Bagi Pelupusan Rekod Awam 2008).

9.1 Pegawai Yang Menjaga Rekod Perubatan hendaklah mengenalpasti siri rekod, rekod telah tamat tindakan dan telah mematuhi tempoh simpanan yang dinyatakan dalam jadual yang disediakan berdasarkan tindakan pelupusan iaitu sama ada **dimusnahkan** atau **dipindahkan** seperti yang ditetapkan dalam jadual. Tatacara pelupusannya adalah seperti berikut :

9.1.1 Pemusnahan Rekod

- a. Membuat pengasingan rekod-rekod yang telah ditetapkan untuk dimusnahkan.
- b. Jabatan dikehendaki mengisi borang-borang seperti berikut:-
 - Arkib 2/08 : Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Awam
 - Arkib 3/08: Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Elektronik
- c. Kemukakan satu (1) salinan Borang Permohonan Bagi Pemusnahan Rekod Awam ke Arkib Negara Malaysia
- d. Terima Surat Kebenaran Pemusnahan daripada Ketua Pengarah Arkib Negara

³ Seksyen 45 Peraturan-peraturan
Perkara (2) (c) Menetapkan borang bagi maksud Akta ini



- e. Rekod-rekod tersebut hendaklah dimusnahkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kebenaran Pemusnahan.
- f. Rekod-rekod yang diputuskan musnah hendaklah dilaksanakan pemusnahan secara fizikal seperti yang diterangkan di Para 2.5
- g. Setelah rekod dimusnahkan secara fizikal, pengesahan bahawa rekod tersebut telah dimusnahkan hendaklah dimaklumkan kepada Arkib Negara Malaysia dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh pemusnahan dengan menggunakan borang Arkib 12/08 – Borang Penentusahan Pemusnahan Rekod Awam . (Rujuk Carta Aliran)

9.1.2 Pemindahan Rekod Ke Arkib Negara Malaysia

- a. Permohonan Pemindahan Rekod Perubatan hendaklah menggunakan borang Arkib 11/08: Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod.
- b. Kemukakan dua (2) salinan Borang Permohonan Bagi Pemindahan Rekod ke Arkib Negara
- c. Terima Surat Kebenaran Pemindahan Rekod Awam daripada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.
- d. Setelah menerima Surat Kebenaran Pemindahan daripada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, rekod berkenaan hendaklah dipindahkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat berkenaan atau tempoh lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara.
- e. Hubungi Arkib Negara Malaysia untuk membuat temujanji pemindahan rekod dan laksanakan pemindahan rekod.
(Rujuk Carta Aliran)



10. PELUPUSAN REKOD YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM JADUAL PELUPUSAN REKOD

Bagi pelupusan rekod-rekod Urusan Fungsian yang tidak dinyatakan dalam Jadual Pelupusan Rekod, pelupusan rekod-rekod tersebut harus mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Panduan Pelupusan Rekod Awam 2010. Pihak Jabatan hendaklah memajukan dua salinan borang berkaitan seperti para 10.1 atau 10.2 kepada Jabatan Arkib Negara untuk mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara bagi pemusnahan rekod-rekod berkenaan.

10.1 Borang Arkib 5/08 - Borang Permohonan Bagi Pelupusan Fail
(Yang tidak dinyatakan Dalam Jadual Pelupusan Rekod Perubahan)

10.2 Borang Arkib 10/08 - Borang Permohonan Bagi Pelupusan Rekod
Elektronik (Yang tidak dinyatakan Dalam Jadual Pelupusan Rekod Perubahan)

11. PELUPUSAN REKOD TERPERINGKAT

Pelupusan rekod terperingkat hendaklah dilaksanakan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 Akta 88 dan Arahan Keselamatan. Khidmat nasihat berhubung pelupusan rekod ini boleh didapati daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

12. PENANGGUHAN PEMINDAHAN

Rekod awam boleh diberi penangguhan pemindahan oleh Ketua Pengarah ANM sekiranya rekod tersebut amat diperlukan dan pemindahan segera rekod awam itu akan menjejaskan pentadbiran mana-mana pejabat awam atau bertentangan dengan kepentingan awam. Pejabat awam berkenaan hendaklah mengemukakan Surat Pemberitahuan Penangguhan Pemindahan selaras dengan seksyen 28 (3), Akta Arkin Negara 2003 [Akta 629]



13. KAEDAH PEMUSNAHAN REKOD AWAM

13.1 Rekod hendaklah dimusnahkan sama ada secara jualan melalui sebut harga, dibakar atau apa-apa cara yang bersesuaian berdasarkan Surat Kementerian Kewangan rujukan KB557/97/54 Jld. 4(47) bertarikh 3 November 1993 mengenai Pelupusan Bahan-Bahan Bercetak/ Kertas Terpakai Daripada Kementerian/ Jabatan Kerajaan/ Badan Berkanun. Walaubagaimanapun, jabatan boleh menggunakan cara-cara lain yang bersesuaian seperti dirincih, dikitar semula, dipadamkan atau ditanam bagi pemusnahan rekod.

13.2 Pemusnahan rekod elektronik hendaklah mengikut peraturan, arahan dan panduan yang ditetapkan oleh ANM

13.3 Pemusnahan rekod terperingkat hendaklah mematuhi para 71-74 Arahan Keselamatan

14. PEMINDAHAN REKOD BERNILAI KEBANGSAAN / SEJARAH

Rekod yang mengandungi maklumat mengenai peristiwa berkepentingan kebangsaan atau sejarah sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga Penasihat Arkib Negara adalah bertaraf bahan arkib dan hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara tanpa perlu dibuat penilaian untuk simpanan kekal. Ini adalah berdasarkan keputusan Lembaga Penasihat Arkib Negara bertarikh 15 November 1974. Hanya fail-fail di dalam lingkungan usia tersebut yang tidak mempunyai isi kandungan atau apa jua minit-minit di dalamnya boleh dimusnahkan.

Rekod berkenaan adalah seperti berikut :

- Bertarikh pada dan sebelum 31 Disember 1948 bagi rekod-rekod Jabatan / Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.
- Bertarikh pada dan sebelum 30 September 1963 bagi rekod-rekod Jabatan Agensi Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak.

Tatacara pemindahan rekod tersebut adalah seperti di para 9.1.2.

15. PELUPUSAN REKOD AWAM YANG ROSAK

Rekod awam yang telah rosak akibat bencana alam, kebakaran, dimakan anai-anai dan sebagainya hendaklah dilaporkan kepada Arkib Negara kerana kaedah pelupusan adalah berbeza. Maklumat kerosakan hendaklah dibuktikan dengan mengemukakan laporan bertulis dan bergambar. Bagi kes-kes kerosakan rekod awam yang dipercayai akibat perbuatan khianat, sabotaj dan sebagainya yang melibatkan aduan polis hendaklah disertakan satu laporan polis. Rujuk Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit akibat bencana banjir.



Contoh : Rekod Perubatan yang rosak akibat bencana banjir .

16. LARANGAN PEMUSNAHAN REKOD AWAM

15.1 Tiada seseorang pun boleh memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam yang dalam jagaan atau dibawah kawalannya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia mengikut Seksyen 25 (1)⁴ dan Seksyen 25 (2)⁵, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

⁴ Seksyen 25 (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, tiada seseorang pun boleh, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah, memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam yang dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu.

⁵ Seksyen 25 (2) Seseorang yang berniat untuk memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam hendaklah (a) memberitahu Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan tentang niat untuk berbuat demikian; dan (b) dalam pemberitahuan itu, menyatakan sifat rekod awam yang berkenaan.



15.2 Sesiapa yang melakukan kesalahan dan disabitkan dengan kesalahan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 5000 atau dipenjarakan selama satu tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya mengikut peruntukan Seksyen 25(5), Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].

17. UKURAN REKOD YANG DIMUSNAHKAN

Fasiliti KKM bertanggungjawab memajukan kepada Jabatan Arkib Negara perangkaan mengenai jumlah rekod yang dimusnahkan setiap kali tindakan pemusnahan dijalankan dalam kiraan unit dan / atau ukuran meter panjang. Rujuk Kaedah Mengukur Rekod Dalam Meter Panjang.

18. TANGGUNGJAWAB

Pegawai Rekod Perubatan atau pegawai yang menjaga pengurusan rekod perubatan di fasiliti berkenaan adalah bertanggungjawab memastikan pematuhan kepada Jadual Pelupusan Rekod dan rekod-rekod yang hendak dibuat pelupusan telah tamat tindakan serta memenuhi tempoh simpanan yang ditetapkan di dalam jadual.

19. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut boleh kemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel: 03-8883 1143
Faks: 03-8883 1150

JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN

A. SIRI REKOD PERUBATAN PESAKIT – 18 SUB SIRI





**JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN
DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

BIL	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
A	REKOD PERUBATAN PESAKIT			
1.	Rekod Perubatan Pesakit Dalam kecuali; * Rekod Psikiatri * Obstetrik * Pediatric	Rekod mengandungi dokumen-dokumen berikut :- - Borang Daftar Masuk (PER - PD 301/SKH 3/93 /PER 301). - Surat Jaminan. - Surat Rujukan. - Ringkasan Discaj (PER- PD 302). - Nota Rawatan / Continuation Sheets. - Catatan ; Doktor/ Jururawat/ Fisioterapi/Dietetik /Jurupulih Carakerja/Pegawai Kerja Sosial Perubatan/lain-lain. - Borang-borang permohonan ujian / siasatan perubatan. - Borang keizinan prosedur atau pembedahan. - Borang-borang arahan pemeriksaan polis / mahkamah / AADK. - Salinan Borang Permohonan Transfusi Darah. - Laporan Ujian / siasatan	Pesakit telah discaj ⁶ . DAN; Tarikh terakhir pesakit mendapatkan rawatan direkodkan. DAN; Segala tindakan telah selesai. ATAU; Setelah kes perundangan diputuskan oleh mahkamah dan dipatuhi. DAN; Segala tindakan telah selesai.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh simpanan tujuh (7) tahun di Fasiliti KKM dipatuhi.

⁶ Discaj adalah:-

1. Balik rumah
2. Mati / Meninggal dunia
3. Keluar atas risiko sendiri (Discharge Against Medical Advise -DAMA)
4. Keluar tanpa kebenaran
5. Dipindahkan ke hospital lain



BIL	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
		perubatan. • Carta pemerhatian pesakit pelbagai disiplin. • Nota Anestesia dan pembedahan. • Preskripsi / Carta ubat-ubatan. • Surat rujukan ke lain-lain disiplin / hospital / klinik / perkhidmatan perubatan. • Surat maklumbalas. • Borang-borang khusus untuk pelbagai disiplin. • Salinan borang notifikasi penyakit berjangkit / tidak berjangkit. • Borang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. • Nota discaj. • Borang triage Kad / Nota Rawatan Pesakit Luar / Ibu Hamil/ Kanak-kanak/ Ibu Bersalin/ Lain-lain. • Borang Pemaklum Kematian (LM09). • Borang Maklum balas rujukan. • Salinan laporan perubatan/ laporan bedah siasat.		



JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN 2016

BIL	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
2.	Rekod Perubatan Pesakit Psikiatri - Pesakit Luar - Pesakit Dalam - Rawatan Harian	Rekod mengandungi dokumen-dokumen berikut :- - Borang Daftar Masuk (PER - PD 301/SKH 3/93 /PER 301). - Surat Jaminan. - Surat Rujukan. - Ringkasan Discaj (PER- PD 302). - Nota Rawatan / Continuation Sheets. - Catatan ; Doktor/ Jururawat/ Fisioterapi/Dietetik /Jurupulih Carakerja/Pegawai Kerja Sosial Perubatan/lain-lain . - Borang-borang permohonan ujian / siasatan perubatan. - Borang keizinan prosedur atau pembedahan. - Borang-borang arahan pemeriksaan polis / mahkamah/ AADK. - Salinan Borang Permohonan Transfusi Darah. - Laporan Ujian / siasatan perubatan. - Carta pemerhatian pesakit pelbagai disiplin. - Nota Anestesia dan pembedahan. - Preskripsi / Carta ubat-ubatan. - Surat rujukan ke lain-lain disiplin / hospital / klinik / perkhidmatan perubatan. - Surat maklum balas. - Borang-borang khusus untuk pelbagai disiplin.	Pesakit telah discaj. DAN; Tarikh terakhir pesakit mendapatkan rawatan direkodkan. DAN; Segala tindakan telah selesai. ATAU; Setelah kes perundangan diputuskan oleh mahkamah dan dipatuhi.	Simpan kekal di Fasilitas KKM
			ATAU; Setelah pesakit mati atau disahkan mati oleh Jabatan Pendaftaran Negara.	Rekod dimusnahkan selepas tamat tindakan dan tempoh tiga (3) tahun di Fasilitas KKM dipatuhi.



BIL	TAJUK SIRI	PERIHAL REKOD	TAMAT TINDAKAN	TINDAKAN PELUPUSAN
